



Tokio Marine Life

PDPA Notis kepada Pemegang Polisi kita

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA") sudah berkuatkuasa dari 15hb November 2013. Kami, di Kumpulan Syarikat TMLIM ingin menjamin bahawa kami mengambil penting privasi anda dan berjanji untuk melindungi maklumat peribadi pelanggan kami.

Menurut PDPA, kami dikehendaki mendapatkan persetujuan anda untuk memproses data peribadi anda dan memaklumkan anda hak-hak anda berkaitan dengan data peribadi anda yang diproses atau dikumpul dan kemudiannya diproses oleh kami.

Demi mematuhi keperluan PDPA dan janji kami di atas, kami ingin memaklumkan bahawa data peribadi anda termasuk data peribadi yang sensitif dan maklumat polisi insurans (kesemuanya secara kolektifnya dirujuk sebagai "**Data Peribadi**") yang sebelum ini diberikan kepada kami dalam permohonan, pembaharuan atau perubahan polisi insurans anda atau yang kemudiannya diberikan oleh anda, sama ada secara lisan atau bertulis, sedang dan akan disimpan, diguna, didedahkan dan diproses oleh Kumpulan Syarikat TMLIM untuk tujuan-tujuan berikut:

- (a) untuk memasuki dan melaksanakan kontrak insurans anda, dan untuk menyedia serta menguruskan polisi anda;
- (b) untuk pendedahan kepada pihak ketiga yang diberi kuasa termasuk: majikan anda dan wakilnya, agen dan sekutunya (di mana, contohnya, anda diinsuranskan di bawah polisi insurans berkumpulan yang diperolehi melalui majikan anda), syarikat insurans yang lain, broker, organisasi kredit, pihak underwriter, pihak penanggung insurans semula, pemunya polisi berkumpulan, pihak pengurusan pelan manfaat, mereka kepada mana kami outsource operasi bisnes kami yang tertentu, rakan-rakan komersil Kumpulan Syarikat TMLIM, pihak berkuasa kawal selia, biro atau agensi yang telah atau akan ditubuhkan oleh pihak berkuasa kawal selia, operator rekod atau pangkalan data yang tersedia kepada industry insurans, pihak professional yang bertugas bagi pihak ahli Kumpulan Syarikat TMLIM seperti penyelaras kerugian, peguam, pihak audit, mereka yang melaksanakan penyelidikan aktuari atau kaji selidik, akauntan, pakar runding, peninjau, pemungut data tuntutan external, penyiasat dan professional perubatan dan mana-mana kontraktor atau sub-kontraktor lain yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang atau yang diputuskan oleh kami sebagai perlu atau bersesuaian;
- (c) untuk menguruskan dan menyelenggarakan hubungan kami dengan anda dan menyediakan khidmat pelanggan yang lebih baik kepada anda;
- (d) untuk pengunderaitan, pengurusan dan penyelesaian tuntutan;
- (e) untuk tujuan pemasaran secara terus dan pemasaran am;
- (f) Untuk pemindahan data kepada, dan berkongsi dengan ahli Kumpulan Syarikat TMLIM dan/atau pihak ketiga yang bertindak bagi pihak kami, termasuk yang lokasinya berada di luar Malaysia. (secara kolektifnya dirujuk sebagai "**Tujuan-tujuan**")

Sila ambil perhatian bahawa ia adalah perlu untuk Kumpulan Syarikat TMLIM untuk memproses Data Peribadi anda, tanpanya kami tidak akan dapat menyediakan untuk anda khidmat atau produk yang diminta.

Selanjutnya, anda dimaklumkan bahawa sekiranya perlu untuk mana-mana Tujuan-tujuan di atas, Data Peribadi anda mungkin dipindahkan ke lokasi di luar Malaysia atau diguna, didedahkan dan diproses oleh ahli Kumpulan Syarikat TMLIM (termasuk perkerjanya, wakilnya, penanggung insurans semula, agen dan pihak yang berkaitan) untuk memudahkan pelaksanaan dan pentadbiran fungsi kami sebagai sebuah syarikat insurans. Kecuali sebagaimana yang diterangkan di atas, Data Peribadi anda tidak akan sengajanya dipindahkan ke mana-mana lokasi di luar Malaysia atau sengajanya didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga.

Maklumat yang dibekalkan oleh anda mungkin digunakan oleh pihak kami termasuk pekerja, wakil, agen dan sekutunya untuk memaklumkan anda khidmat atau produk yang mungkin bersesuaian dengan anda. Sila memberitahu kami jikalau anda tidak ingin dihubungi untuk tujuan tersebut.

Kami berusaha untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sepatutnya untuk memastikan bahawa Data Peribadi yang dikumpul dan/atau diproses oleh kami secara tepatnya dipaparkan di dalam sistem kami sepertimana yang dibekalkan oleh anda.

Dengan itu, ketepatan Data Peribadi akan bergantung kepada maklumat yang dibekalkan oleh anda. Sila hubungi kami dengan serta-merta sekiranya Data Peribadi anda yang sebelum ini dibekalkan kepada kami sudah menjadi tidak betul, tidak tepat atau tidak lengkap.

Anda berhak untuk meminta akses kepada dan membetulkan Data Peribadi yang disimpan oleh kami dan anda boleh membuat apa-apa pertanyaan atau aduan berkaitan dengan Data Peribadi anda. Anda juga boleh meminta kami secara bertulis untuk berhenti memproses Data Peribadi anda.

Sila menghubungi Wakil-Wakil Pelanggan kami di 03-2059 6188 , dari 8:40 pagi. sehingga 5.40 petang p.m., Isnin-Khamis atau dari 8:40 pagi sehingga 5.30 petang pada hari Jumaat atau emel kami di customercare@tokiomarinelife.com.my perihal Data Peribadi anda.